

Larang bawah 16 tahun guna telefon pintar, media sosial

Kabinet kemuka tiga cadangan tangani isu keselamatan, sosial di sekolah

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my


Putrajaya: Larangan penggunaan telefon pintar dan media sosial bagi mereka yang berusia bawah 16 tahun adalah antara tiga cadangan Kabinet dalam usaha menangani isu keselamatan dan sosial, termasuk kes buli dalam kalangan pelajar yang semakin membimbangkan.

Dua lagi cadangan meliputi peningkatan pemantauan keselamatan di sekolah dan penambahbaikan kandungan pendidikan yang menekankan nilai dan akhlak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Kabinet memperuntukkan masa yang panjang dalam mesyuarat semalam membincangkan isu pendidikan dan masalah disiplin pelajar yang membimbangkan ibu bapa dan masyarakat.

"Dalam hal seperti ini, kita tidak boleh ambil tindakan tergesa-gesa, ia kena teliti tetapi ada beberapa langkah boleh dilaksanakan segera," katanya kepada media selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Jannatul Firdaus, Presint 5, di sini semalam.

Beliau berkata, penelitian langkah menghadkan penggunaan telefon pintar bagi pelajar bawah 16 tahun itu susulan kebimban-



Anwar bersalaman dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Jannatul Firdaus, Presint 5, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ngan terhadap pengaruh media sosial dan permainan dalam talian yang boleh mencetuskan tingkah laku negatif.

"Kita sedang lihat kemungkinan menghadkan atau melarang penggunaan telefon pintar untuk usia 16 tahun ke bawah.

"Banyak negara sudah melaksanakan dasar ini. Telefon masih boleh digunakan untuk pembelajaran, tetapi dengan kawalan ketat. Dalam hal ini, peranan ibu bapa amat penting," katanya.

Semakan mendapati antara negara yang sudah atau sedang merancang menghadkan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar ialah Korea Selatan, Australia, Greece, Amerika Sya-

rikat, Perancis, Brazil, Turkiye, Emiriah Arab Bersatu dan Iran.

Tingkat pemantauan sekolah
Perdana Menteri juga berkata, polis dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) pula diminta memberi keutamaan kepada pemantauan rapi bagi meningkatkan keselamatan di sekolah.

"Kita sudah bincang supaya pemantauan keselamatan di sekolah tidak lagi dianggap sebagai tugas sampingan. Polis dan KDN akan pastikan keselamatan pelajar dijamin sepenuhnya," katanya.

Anwar berkata, penambahbaikan kandungan pendidikan adalah bagi memastikan ia memben-

tuk nilai dan akhlak pelajar searas dengan konsep Malaysia MADANI.

"Dalam kerangka MADANI, kita tekankan soal nilai, akhlak dan pendidikan yang seimbang, tidak diselit fahaman sempit atau ekstrim," katanya.

Anwar berkata, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek akan memberikan penjelasan lebih lanjut berhubung tiga langkah itu dalam masa terdekat.

Beliau turut menyeru semua pihak, termasuk guru besar, guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) memberi kerjasama penuh dalam memastikan keselamatan serta kesejahteraan pelajar sentiasa terpelihara.